

10 AUG 1997

Abdullah - kebuluran

PERBEZAAN IDEOLOGI BUKAN PENGHALANG UTK BANTU KOREA UTARA

BANDAR PUSAT JENGKA, 10 Ogos (Bernama) -- Perbezaan ideologi dan sistem politik bukanlah penghalang kepada Malaysia untuk menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa kebuluran di Korea Utara, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Semasa ditemui pemberita selepas menutup Seminar Kecemerlangan Remaja wilayah Jengka di sini, beliau berkata kesediaan Malaysia untuk membantu mangsa-mangsa itu dibuat atas dasar kemanusiaan.

" Kita memahami ideologi mereka bukan ideologi yang sama dengan kita, sistem politik mereka pun tidak sama dengan sistem politik kita. Tetapi kita tidak mahu perbezaan ini menjadi penghalang kepada kita untuk memberi bantuan," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Moahamad, berkata parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) bersedia untuk sama-sama menghulurkan bantuan bagi membantu mangsa-mangsa kebuluran di negara berkenaan.

Abdullah berkata rakyat Korea Utara sudah lama mengalami masalah kebuluran dan mereka sangat-sangat memerlukan bantuan terutamanya makanan sama ada untuk golongan dewasa atau kanak-kanak.

BN bersetuju untuk membantu kerana pemimpin-pemimpinnya benar-benar memahami masalah ini, tambahnya.

Abdullah berkata semasa kunjungannya ke negara itu tidak lama dulu, beliau diberikan taklimat oleh pemimpin-pemimpin tempatan mengenai betapa buruknya keadaan di sana dan rakyat Korea Utara amat menghargai apa jua sumbangan daripada Malaysia.

Beliau menambah kata rakyat Malaysia yang sememangnya terkenal dengan sikap pemurah mereka sudah tentu akan memberikan perhatian serius terhadap masalah ini.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan usaha sebuah akhbar tempatan mengadakan pungutan derma daripada orang ramai untuk membantu mangsa-mangsa kebuluran itu.

Selain itu, katanya, Puspanita Kementerian Luar juga akan mengumumkan tidak lama lagi satu lagi bentuk bantuan kepada rakyat negara berkenaan. --
BERNAMA

ROS WAT